

## Program Tanam Pokok Bakau

1. Memulihara kawasan pesisir pantai supaya menjadi lebih stabil sebagai lapisan perlindungan semulajadi bagi mengelak dan mengurangkan tahap kemusnahan ke atas kemudahan-kemudahan infrastruktur, harta benda, penempatan serta kehilangan tanah disebabkan pukulan ombak dan tiupan angin kencang.
2. Memulihkan habitat semulajadi untuk pemuliharaan kepelbagaian ekologi.
3. Mewujudkan satu kawasan zon penampungan semulajadi yang kukuh dan stabil bagi mengurangkan keperluan dan kos pelaksanaan kerja-kerja pengawalan hakisan pantai di masa hadapan.
4. Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pemuliharaan hutan serta kesannya ke atas kesejahteraan hidup dan kestabilan alam sekitar.

## Kitar Semula Sisa Minyak Masak

Katakan **TIDAK** pada minyak masak kitar semula.

### Fakta Sisa Minyak Masak:-

1. Mengulang penggunaan minyak masak bukan sahaja mengurangkan kualiti sesuatu makanan, malah kandungan minyak masak yang telah digunakan mengandungi komponen radikal bebas yang bersifat **Karsinogenik** (menyebabkan penyakit kanser).
2. Kajian menunjukkan sejenis toksin yang dipanggil **4-hydroxy-trans-2-nonenal (HNE)** akan dihasilkan apabila minyak masak dipanaskan (tanpa minyak masak) dikait menyebabkan risiko penyakit-penyakit seperti Kardiovaskular, Strok, Parkinson, Alzheimer's dan kegagalan fungsi Hati dan Kanser.

Oleh itu, mulakan hari anda dengan pengasingan sisa minyak masak untuk pemuliharaan sumber air dan penjagaan kesihatan.

## Tahukah Anda

1. Setiap daripada kita menghasilkan sampah lebih kurang 0.8 kilogram sehari.
2. Negara kita menghasilkan lebih 15,000 tan sampah sehari.
3. Sekiranya semua sampah ini dikumpul, ia akan memenuhi Menara Berkembar Petronas dalam 9.5 hari sahaja.
4. Jumlah penghasilan sampah di negara kita ini dijangka akan terus meningkat pada kadar 2% setahun dan angka ini sangat bergantung kepada cara pembuangan sampah yang kita amalkan.
5. Penghasilan sampah yang banyak menimbulkan pelbagai kesan negatif kepada alam sekitar. Oleh itu, sebelum terlambat, marilah kita semua mulakan **Amalan Mengitar Semula**.



Terbitan:

Unit Pembangunan Maman  
Jabatan Perancang Bandar & Desa  
Majlis Perbandaran Klang

Tingkat 1, Blok A, Pusat Pemiagaan Jalan Raya Barat,  
41000 Klang Bandar DiRaja, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +6 03.3375.7850 Faks: +6.03.3371.0690



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

## PROGRAM BERSEPADU PESISIR PANTAI

## INTEGRATED COASTAL MANAGEMENT (ICM)



"Telah timbul pelbagai kerosakan dan bencana di darat dan laut dengan sebab apa yang dilakukan oleh tangan manusia. Timbulnya yang demikian kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan buruk yang mereka sudah lakukan supaya mereka kembali insaf dan bertaubat"

(Surah Ar-Ruum, ayat 41)

## Pendahuluan

Program Bersepadu Pesisir Pantai atau *Integrated Coastal Management* (ICM) merupakan satu sistem pengurusan alam sekitar dan sumber semulajadi melalui pendekatan bersepadu, holistik dan proses perancangan yang interaktif dalam menangani isu-isu pengurusan yang kompleks di kawasan pesisir pantai.

### Strategi Utama Program Pengurusan Pesisir Pantai

1. Memberitahu Pihak-pihak berkepentingan mengenai hak dan tanggungjawab.
2. Memulihara Ekosistem semulajadi yang penting.
3. Melindungi Kawasan sepanjang pesisir pantai daripada pencemaran.
4. Membangun Peluang-peluang ekonomi.
5. Melaksana Dasar, peraturan dan garis panduan yang sesuai bagi pembangunan lestari.

### Enam (6) Polisi Utama Program Pengurusan Pesisir Pantai Yang Diwartu

1. Pencemaran Air
2. Kemusnahan Habitat
3. Sisa Pepejal
4. Kesihatan
5. Eksploitasi Sumber Asli Yang Berlebihan
6. Hakisan dan Pemendapan

## Kepentingan Program Bersepadu Pesisir Pantai

Ketika ini, kawasan perairan pantai membangun dengan begitu pesat sekali dan ini mengundang ancaman pencemaran ekosistem.

Penyelarasan dan pengawalan yang lebih mampan dengan pengurangan pencemaran; sekaligus meningkatkan kualiti alam sekitar dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan sosial ke tahap yang lestari.

Sehubungan itu, Program Bersepadu Pesisir Pantai diperlukan bagi menyelesaikan isu-isu pemantauan dan pengurangan pencemaran dan seterusnya menguruskan persekitaran perairannya dengan cara yang lebih holistik dan bersepadu.

### Peranan Hutan Pesisiran Pantai

Kawasan hutan yang wujud di sepanjang pesisiran pantai memainkan peranan yang amat penting kepada kesejahteraan penduduk yang tinggal berhampiran dengan pantai dari segi socio-ekonomi, alam sekitar dan keselamatan.

Disamping itu, ianya merupakan lapisan zon semulajadi yang melindungi pesisir pantai daripada kuasa fizikal alam seperti ombak dan ribut taufan serta mencegah dan mengurangkan kadar hakisan pantai.

Kawasan ini juga merupakan habitat penting kepada pelbagai flora dan fauna serta hidupan marin. Selain itu, kawasan hutan pesisiran pantai juga memainkan peranan penting sebagai penapis sampah daripada terampung di laut lepas.

Peristiwa tsunami yang berlaku pada 26 Disember 2004 telah memberi impak yang sangat ketara kepada Malaysia dan juga dunia. Peristiwa ini juga telah membuktikan bahawa hutan pesisiran pantai memainkan peranan yang penting sebagai benteng semulajadi.

## Sumbangan ANDA Untuk Program Bersepadu Pesisir Pantai

### Penggunaan Tong Sampah Kitar Semula

Usaha ini adalah bermanfaat bagi kita untuk jangkamasa panjang. Amalan anda yang bijaksana akan menjayakan usaha ini; dan mengapa kita perlu **kitar semula** bahan terbuang kerana:-

1. Mengurangkan pembaziran, sampah dan pencemaran alam sekitar.
2. Penjimatan tenaga dan sumber semulajadi yang amat berharga kepada kita.
3. Memanjangkan tempoh kegunaan kawasan pembuangan sampah yang semakin terhad.
4. Menggunakan kembali bahan yang boleh digunakan semula.
5. Penjimatan kos dalam menguruskan tapak pelupusan sampah.
6. Menyelamatkan hutan.

Setiap individu yang mempunyai kesedaran sivik harus melibatkan diri dalam usaha untuk memelihara kawasan persekitaran yang bersih dan sihat.

Sumbangan anda terhadap persekitaran yang bersih adalah dengan:-

1. Mengasingkan sampah tertentu yang digunakan dan dibuang ke dalam tong kitar semula.
2. Mulakan/aktif menyertai projek kitar semula di kawasan perumahan, perniagaan, industri dan di mana-mana sahaja anda berada.
3. Terlibat dengan program tanam pokok untuk pengindahan kawasan persekitaran bagi menghasilkan udara yang segar.